



# == PENDIGITALAN KPDNHEP == **PELAN STRATEGIK ICT**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

# 2021-2025






Diterbitkan oleh:  
Bahagian Pengurusan Maklumat, KPDNHEP  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
2021

Hak cipta terpelihara. TIDAK dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

# ISI KANDUNGAN





# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

**A**ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Hormat,

Alhamdulillah dengan izin-Nya KPDNHEP telah berjaya menerbitkan Pelan Strategik ICT Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PSICT KPDNHEP) 2021-2025. PSICT ini merupakan pelan jangka panjang yang dirangka untuk mewujudkan ekosistem digital yang berimpak dan cekap dalam pelaksanaan fungsi KPDNHEP bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat, pelanggan dan *stakeholders*. Pelaksanaan pendigitalan Kementerian secara menyeluruh, yang merangkumi perkhidmatan digital, tabdir urus, kepintaran data, kompetensi modal insan dan perkhidmatan guna sama ICT adalah perlu dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi merentasi sektor awam, swasta, industri dan rakyat. PSICT ini seharusnya bersifat dinamik dan boleh diadaptasi mengikut perubahan dan cabaran dari semasa ke semasa. Dalam konteks tersebut, PSICT akan turut menyokong Pelan Pendigitalan Negara yang telah dilancarkan oleh Kerajaan.

Pengurusan ICT yang baik dan efektif seterusnya akan meningkatkan produktiviti serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada. Diharapkan PSICT ini dapat menjadi rujukan utama KPDNHEP dalam menjajarkan strategi pelaksanaan ICT sekaligus menjayakan Visi dan Misi KPDNHEP.

Sekalung penghargaan dan tahniah diberikan kepada semua yang terlibat dalam usaha merangka, membangun dan seterusnya menerbitkan Pelan Strategik ICT KPDNHEP 2021-2025 ini.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad**

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna



# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Hormat,

Alhamdulillah dengan izin-Nya KPDNHEP telah berjaya menerbitkan Pelan Strategik ICT Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PSICT KPDNHEP) 2021-2025. PSICT ini dibangunkan berdasarkan kepada isu, cabaran, perubahan senario dan persekitaran semasa ICT, peluang yang telah dikenal pasti serta amalan terbaik global. Teknologi ICT merupakan faktor yang sangat penting dan menjadi asas kepada pembangunan masa hadapan negara.

Elemen utama yang perlu diberi perhatian adalah memastikan teknologi ICT mampu meningkatkan kecekapan perancangan dan pengurusan ICT di peringkat Kementerian dan agensi. Seterusnya memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan kerajaan setempat secara selamat melalui pelbagai saluran digital serta berupaya memenuhi ekspektasi rakyat yang semakin canggih. Pendigitalan akan menukar budaya kerja dan penyampaian perkhidmatan dengan mengaplikasikan teknologi moden serta membuat perancangan atau tindakan berdasarkan maklumat secara analitik. Perubahan perlu dilakukan selari dengan perkembangan teknologi semasa bagi menghasilkan sesuatu aplikasi pintar yang berimpak tinggi.

Pembangunan modal insan ICT juga perlu diberi perhatian dalam meningkatkan kompetensi dan kepakaran personel ICT selaras dengan kemajuan teknologi dan bidang baharu ICT. Ini secara tidak langsung mampu menggalakkan perkongsian sumber, menjimatkan kos dan mampu meningkatkan penglibatan rakyat dalam menambah baik perkhidmatan kerajaan. Selaras dengan itu, perancangan yang teliti dan strategik perlu dirangka bagi setiap program yang dirancang dan akan dilaksanakan. PSICT KPDNHEP ini disusun untuk dijadikan panduan kepada kita semua dalam memastikan ianya selaras dengan hala tuju Pelan Strategik KPDNHEP. PSICT ini hanya boleh dicapai dengan komitmen dan penglibatan semua pihak. Ia juga adalah satu mekanisme pengukuran bagi menilai tahap pelaksanaan dan impak bagi setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan.

Besar harapan saya agar semua warga kerja KPDNHEP dapat memberi komitmen dan sokongan padu kepada setiap program yang telah dirancang dalam PSICT KPDNHEP 2021-2025 ini dalam memastikan perkhidmatan yang ditawarkan memberi impak dan manfaat yang maksimum kepada rakyat. Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah diberikan kepada semua yang terlibat dalam usaha merangka, membangun dan seterusnya menerbitkan Pelan Strategik ICT KPDNHEP 2021-2025 ini.

**Mohamed Zahari Bin Razali**

Ketua Pegawai Maklumat (CIO)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

“Adalah menjadi hasrat Kementerian memfokuskan kepada pelaksanaan pendigitalan Kementerian secara menyeluruh, yang merangkumi perkhidmatan digital, tabdir urus, kepintaran data, kompetensi modal insan dan perkhidmatan guna sama ICT. Kementerian perlu memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi merentasi sektor awam, swasta, industri dan rakyat. Perekayasaan proses kerja di Kementerian perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat *ease of doing business* oleh pihak industri serta meningkatkan kepuasan pengguna dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian.”

- Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad  
Ketua Setiausaha KPDNHEP

“Saya amat menyokong penuh hasrat dan halatuju pelaksanaan pendigitalan Kementerian ini. Ia penting bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien. Pendigitalan akan menukar budaya kerja dan penyampaian perkhidmatan dengan mengaplikasikan teknologi moden serta membuat perancangan atau tindakan berdasarkan maklumat secara analitik. Perubahan perlu dilakukan selari dengan perkembangan teknologi semasa bagi menghasilkan sesuatu aplikasi pintar yang berimpak tinggi. Pendigitalan menghasilkan data-data penting yang perlu dilindungi dengan baik dan selamat bagi menjamin kebolehpercayaan pihak pemegang taruh, para peniaga dan rakyat.”

- Mohamed Zahari bin Razali  
Ketua Pegawai Maklumat (CIO)

# 1 PENGENALAN

Pengenalan | Latar Belakang | Objektif Dokumen | Skop Dokumen | Visi dan Misi KPDNHEP |  
Visi dan Misi ICT | Fungsi KPDNHEP | Carta Organisasi KPDNHEP

# 1.0 PENGENALAN

Pelan Strategik ICT KPDNHEP 2021-2025 menggariskan pelan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Kementerian bagi tempoh lima (5) tahun. Pelan ini yang akan menjadi panduan dalam melaksanakan program dan aktiviti bagi memacu fungsi utama Kementerian bagi Sektor Perdagangan, Pengedaran dan Perniagaan, Sektor Ehwal Kos Sara Hidup dan Penyelidikan, Sektor Barang Kawalan dan Subsidi, Penguatkuasaan, Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan ke arah pendigitalan yang menyeluruh. Pelan ini disokong oleh penetapan Visi ICT yang menekankan kepada kelangsungan Kementerian digital melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang holistik dan inovatif, berfokuskan kepada perdagangan domestik dan kepenggunaan.

Program yang dirancang melalui pelan ini berhasrat untuk mencapai misi ICT yang menasaskan kepada memperkasakan sumber dan teknologi sedia ada supaya selari dengan perubahan teknologi revolusi terkini di samping memperkukuhkan jalinan kolaborasi strategik antara kerajaan, pemain industri dan pemegang taruh bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan yang moden dan efisien. Pelan ini juga memusatkan segala komitmen dan fokus seluruh warga KPDNHEP bagi menyokong aspirasi Kerajaan seperti yang digarapkan di dalam Revolusi Industri 4.0, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).



## 1.1 LATAR BELAKANG

Dokumen ini menerangkan Pelan Strategik ICT (PSICT) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) sepanjang tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun 2021 hingga tahun 2025. PSICT KPDNHEP dibangunkan oleh Pasukan Projek PSICT KPDNHEP yang terdiri daripada pegawai dari semua Bahagian, Negeri dan Agensi. Pembangunan PSICT KPDNHEP telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT KPDNHEP dan empat (4) pasukan telah diwujudkan mengikut domain aplikasi & data, infrastruktur, tadbir urus dan keupayaan ICT. Pembangunan PSICT KPDNHEP dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1 hingga Fasa 5 berdasarkan skop persekitaran semasa serta hala tuju bisnes dan ICT KPDNHEP.


- **Fasa 1** adalah fasa penyediaan Dokumen Permulaan Projek bagi memohon kelulusan

peruntukan dan pembangunan PSICT

- **Fasa 2** merangkumi kajian persekitaran ICT dan bisnes KPDNHEP sedia ada iaitu pengumpulan data melalui sesi temu bual, kaji selidik dan rundingan bersama pemegang taruh utama, pengguna dan pegawai ICT, kajian semula dokumen utama KPDNHEP dan melaksanakan analisis terhadap semua data dan maklumat yang diperolehi.
- **Fasa 3** mengenal pasti dan mencadangkan visi, misi serta hala tuju strategik ICT.
- **Fasa 4** meliputi pembangunan pelan tindakan berdasarkan strategi yang telah ditetapkan.
- **Fasa 5** melibatkan penulisan dan penyediaan dokumen sehingga terhasilnya satu pelan menyeluruh iaitu PSICT KPDNHEP.

Pelan ini dibangunkan bersesuaian dengan peranan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) sebagai rakan strategik ke arah kecemerlangan organisasi dalam aspek ICT serta membantu Kementerian melaksanakan penyampaian perkhidmatan pendigitalan yang menyeluruh dan berinovatif.

## 1.1.1 FASA PEMBANGUNAN PSICT



Sumber : Pembangunkan Pelan Strategik ICT MAMPU

**RAJAH 1-1: FASA PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT KPDNHEP 2021-2025**

## 1.2 OBJEKTIF DOKUMEN

1

### MENYUSUN PROGRAM

Menyusun perancangan teliti dan strategik bagi merangka setiap program yang akan dilaksanakan



2

### MERANGKUMKAN PROGRAM

Merangkumkan program untuk dijadikan panduan dalam memastikan ianya selaras dengan hala tuju Pelan Strategik KPDNHEP



3

### MEKANISME PENGUKURAN

Menjadi mekanisme pengukuran bagi menilai tahap pelaksanaan dan impak setiap aktiviti dan program yang dilaksanakan



## 1.3 SKOP DOKUMEN

01

### **Mengkaji Persekitaran Semasa**

Mengkaji dan menganalisa persekitaran infrastruktur ICT, aplikasi dan pembangunan kandungan sedia ada

02

### **Mengkaji Keperluan ICT**

Mengkaji keperluan ICT di Kementerian yang melibatkan pengguna, rangkaian, peralatan ICT, aplikasi dan pembangunan kandungan

03

### **Keperluan Pelaksanaan dan Kolaborasi Bersama Agensi**

Mengambil kira keperluan penggunaan implementasi ICT KPDNHEP serta kolaborasi dengan Agensi

04

### **Menyokong Aspirasi Kerajaan**

Meneruskan pelaksanaan projek di bawah RMK-12, Pelan Strategik KPDNHEP serta selari dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025

## 1.4 VISI DAN MISI KPDNHEP

### VISI KPDNHEP

- ❑ PERDAGANGAN DALAM NEGERI YANG PROGRESIF, MAMPAN
- ❑ PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA

### MISI KPDNHEP

- ❑ MENGUKUHKAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI MELALUI PENCIPTAAN NILAI DAN PENDIGITALAN
- ❑ MENGADAPTASI INOVASI DAN TEKNOLOGI SEBAGAI ASAS ORGANISASI CEMERLANG
- ❑ MENINGKATKAN PERLAKUAN PENGGUNA YANG RASIONAL DENGAN MEMPERKASAKAN KOMUNITI DAN MASYARAKAT SIVIL



## 1.5 VISI DAN MISI ICT

### VISI ICT

**KEMENTERIAN DIGITAL PEMACU PERDAGANGAN DOMESTIK  
MAMPAN DAN PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA**


### MISI ICT

- MEMPERKASA SUMBER DAN TEKNOLOGI KE ARAH PERKHIDMATAN DIGITAL YANG UNGGUL**
- MEMPERTINGKAT KOLABORASI DIGITAL KE ARAH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERDAYA MAJU**

## 1.6 FUNGSI KPDNHEP



## 1.7 CARTA ORGANISASI KPDNHEP



RAJAH 1-2: CARTA ORGANISASI KPDNHEP

# 2

# ANALISIS JURANG ICT

Analisis Jurang ICT | Senarai Isu Strategik | Aplikasi dan Data | Infrastruktur ICT | Tadbir Urus ICT |  
Keupayaan ICT

## 2.0 ANALISIS JURANG ICT

Persekitaran ICT semasa telah dijajarkan dengan sumber-sumber sedia ada di Kementerian mengikut keperluan dan peraturan serta pekeliling yang berkuat kuasa bagi mencapai visi dan misi ICT KPDNHEP. Di antara keperluan yang telah disediakan untuk menyokong perkhidmatan ICT merangkumi aplikasi, data, infrastruktur, tadbir urus dan keupayaan ICT.

Metodologi seperti temu bual, kaji selidik, bengkel dan perbincangan telah diadakan bagi mendapatkan maklumat mengenai status dan tahap penggunaan keseluruhan aplikasi yang terdapat di KPDNHEP, ketersediaan infrastruktur dan kebolehcapaiannya serta struktur organisasi Bahagian Pengurusan Maklumat khususnya dan tadbir urus ICT umumnya.

**Secara keseluruhannya, persekitaran ICT telah dianalisa bagi mengenal pasti kelemahan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan ICT di KPDNHEP agar seiring dengan Visi dan Misi ICT Kementerian.**



## 2.1 SENARAI ISU STRATEGIK

Berikut adalah isu-isu strategik yang dikenal pasti bagi persekitaran bisnes dan ICT sedia ada di KPDNHEP.




## 2.2 APLIKASI DAN DATA

Terdapat 85 aplikasi yang sedang digunakan secara aktif di KPDNHEP. Aplikasi-aplikasi ini dibahagikan kepada Sistem KPDNHEP yang terdiri daripada pelaksanaan secara *in-house*

dan *out-source*; sistem agensi pusat, aplikasi mudah alih dan portal. Senarai terperinci bagi aplikasi dan data adalah seperti di dalam

**Jadual 2-1.**



## 2.2.1 SENARAI APLIKASI DAN DATA

**JADUAL 2-1: SENARAI TERPERINCI APLIKASI DAN DATA DI KPDNHEP**

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
1	SISTEM PENGURUSAN INDUSTRI PERKHIDMATAN (ESIMS)	SPIP	Memproses permohonan syarikat asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia di bawah Sektor Perkhidmatan Yang Tidak Dikawal Selia	2019	Syarikat dan Ejen
2	SISTEM E-ADUAN 2.0	BGK/ BPGK	Membolehkan pengguna membuat pertanyaan atau aduan secara terus ke KPDNHEP tentang perkara-perkara berkaitan perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna	2017	Pengguna Dalam, Orang Awam
3	SISTEM MyHARGA	BHBN	Menyediakan pangkalan data yang menyimpan maklumat harga barangan harian dan penetapan harga musim perayaan	2012	Pengguna Dalam
4	SISTEM DATA BANK SST	BHBN	Menyediakan platform bagi pengumpulan 5,000 data harga barangan dan perkhidmatan di seluruh Malaysia sebelum dan selepas pelaksanaan GST pada April 2015	2014	Pengguna Dalam
5	SISTEM MALAYSIA FRANCHISE EXPRESS (MyFEX)	BPFJL	Menyediakan platform memproses pendaftaran dan program pembangunan francais	2012	Pengguna Dalam dan Luaran
6	SISTEM E-TRIBUNAL V2	TTPM	Menyediakan kemudahan pemfailan tuntutan secara atas talian, pembayaran <i>online</i> bayaran fi pemfailan yang ditetapkan.	2018	Pengguna Dalam, Orang Awam dan Syarikat

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
7	SISTEM MYSAFE	BSK	Memudahkan pihak industri mematuhi piawaian mandatori yang dikendalikan oleh KPDNHEP serta membantu pengguna mengenai keselamatan produk pengguna	2019	Pengguna Dalam, Orang Awam dan Syarikat
8	SISTEM e-CONSUMER REPORT (ECR)	BGK	Pengumpulan data dan maklumat program-program kepenggunaan dari setiap KPDNHEP cawangan dan negeri	2014	Pengguna Dalam
9	SISTEM PERCETAKAN PERMIT EJEN PEMILIKAN SEMULA (SPPEPS)	SPIP	Sistem pemprosesan dan percetakan bagi permit Ejen Pemilikan Semula di bawah Akta Sewa Beli 1967	2012	Pengguna Luaran
10	SISTEM NOTIS JUALAN MURAH (NJM)	BPGK	Sistem pemprosesan permohonan notis jualan murah dalam talian	2014	Pengguna Dalam dan Luaran
11	SISTEM CAKERA OPTIK (SISCO)	BPGK	Sistem pemprosesan pembelian label cakera optik dalam talian	2015	Pengguna Dalam dan Luaran
12	SISTEM MDTCA INTELLIGENT DASHBOARD FOR EXECUTIVE (MINDEX)	BHBN	Menghasilkan model data analisis bagi tujuan penjana laporan dan statistik yang diperlukan oleh KPDNHEP	2014	Pengguna Dalam
13	SISTEM CALL CENTER	BGK	Menerima aduan pengguna melalui talian bantuan berpusat	2010	Pengguna Dalam

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
14	SISTEM MySUBSIDI DIESEL	BKSP	Memantau dan mengawal pemberian kuota super subsidi diesel mengikut kategori kenderaan yang telah ditetapkan	2013	Pengguna Dalam dan Luaran
15	SISTEM PERMIT KHAS	BPGK	Memproses permohonan kebenaran permit membeli barang petroleum bersubsidi mengikut kategori dan kapasiti penggunaan yang ditetapkan	2013	Pengguna Dalam dan Luaran
16	SISTEM DATAPETROL	BKSP	Menyedia gudang maklumat yang berkaitan dengan bekalan dan pengedaran barangan petroleum dan petrokimia	2017	Pengguna Dalam dan Luaran
17	SISTEM RAKAN KPDNHEP	BGK	Menyediakan pangkalan data ahli Rakan KPDNHEP (RK) dan mengurus program bagi ahli RK	2016	Pengguna Dalam dan Luaran
18	SISTEM PEMANTAUAN DAN KUTIPAN HARGA BORONG	BPGK	Merekod dan memantau harga peringkat borong bagi barang keperluan pengguna terpilih	2019	Pengguna Dalam
19	SISTEM SKIM PENSTABILAN HARGA MINYAK MASAK (ECOSS)	BSB	Memproses permohonan kuota dan tuntutan bayaran bagi minyak masak bersubsidi oleh pengilang dan pembungkus	2019	Pengguna Dalam dan Luaran
20	SISTEM QR CODE MINYAK MASAK BERSUBSIDI	BSB	Menjana QR code pada pembungkusan minyak masak bersubsidi untuk memudahkan pemantauan pengedaran minyak masak bersubsidi	2019	Pengguna Dalam dan Luaran



BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
21	SISTEM ANUGERAH KEDAI HARGA PATUT (AKHP)	BPP	Mencalon, mengesah, menilai dan menganugerahkan premis bagi Anugerah Kedai Harga Patut mengikut kategori yang telah ditetapkan	2013	Pengguna Dalaman dan Luaran
22	SISTEM PROGRAM SUBSIDI PETROL (PSP)	BSB	Mengurus permohonan dan pemantauan pemberian subsidi petrol kepada golongan B40	2019	Pengguna Dalaman dan Luaran
23	SISTEM SPACEDEALS	BPP	Platform untuk semua usahawan tempatan memperkenalkan dan mempromosi produk keluaran syarikat masing-masing dalam satu <i>microsite</i> di bawah seliaan KPDNHEP	2018	Pengguna Luaran
24	INTEGRATED ENFORCEMENT MANAGEMENT SYSTEM (IEMS)	BPGK	Mengurus aktiviti pemeriksaan dan mengeluarkan KOTS ( <i>Kompaun On The Spot</i> )	2019	Pengguna Dalaman dan Luaran
25	SISTEM PRICE CATCHER	BHBN	Menyemak dan membuat perbandingan harga dengan lebih mudah dan cepat tanpa perlu ke premis untuk semakan harga	2015	Pengguna Luaran
26	SISTEM E-INTEGRITI	BI	Menerima dan mengurus aduan salah laku kakitangan KPDNHEP daripada orang awam	2019	Pengguna Dalaman dan Luaran
27	SISTEM E-TIMBANG DAN SUKAT (ETS)	BPGK	Merekod maklumat pembelian dan membaiki alat timbang serta sukat	2015	Pengguna Dalaman dan Luaran

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
28	SISTEM E-PENJAJA	BPPK	Membolehkan penjaja dan peniaga kecil membuat permohonan latihan yang disediakan oleh KPDNHEP	2015	Pengguna Dalam dan Luaran
29	PORTAL TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN	TRP	Merekod dan memaparkan fungsi serta aktiviti Tribunal Rayuan Persaingan (TRP)	2016	Pengguna Dalam dan Luaran
30	PORTAL E-BOOK KPDNHEP	BPKD	Merekod dan memaparkan penerbitan KPDNHEP	2015	Pengguna Dalam dan Luaran
31	PORTAL RASMI KPDNHEP	UKK	Memaparkan informasi berkaitan KPDNHEP	2013	Pengguna Dalam dan Luaran
32	PORTAL ACCP	BPKD	Merekod dan memaparkan fungsi serta aktiviti Agensi Perlindungan Pengguna Negara ASEAN	2015	Pengguna Dalam dan Luaran
33	PORTAL INFO PENGGUNA	BGK	Merekod dan memaparkan fungsi serta aktiviti Perlindungan Pengguna	2013	Pengguna Luaran dan Dalam
34	INTEGRATED MAPPING & ADVANCED PLANNING SYSTEM (IMAPS)	BPGK	Merancang dan mengurus data penguatkuasaan	2019	Pengguna Dalam dan Luaran
35	MICROSITE KPS	BGK	Merekod dan memaparkan fungsi serta aktiviti Kelab Pengguna Sekolah	2013	Pengguna Dalam dan Luaran
36	MICROSITE GPS	BGK	Merekod dan memaparkan fungsi serta aktiviti Gerakan Pengguna Siswa	2013	Pengguna Dalam dan Luaran

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
37	SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT PERSONEL BERSEPADU (INSID)	BPSM	Mengurus maklumat dan direktori staf KPDNHEP	2014	Pengguna Dalaman dan Luaran
38	SISTEM <i>HELPDESK</i> ICT	BPM	Mengurus aduan kerosakan peralatan ICT	2017	Pengguna Dalaman
39	SISTEM E-LATIHAN	BPSM	Mengurus maklumat permohonan dan log latihan staf KPDNHEP	2015	Pengguna Dalaman
40	SISTEM PENGURUSAN UNDANG-UNDANG (SIPU)	BUU	Mengurus dan memantau tugas undang-undang	2017	Pengguna Dalaman
41	SISTEM KELUAR MASUK PEJABAT (KMP)	BPM	Merekod dan memaparkan status pergerakan pegawai di Bahagian	2015	Pengguna Dalaman
42	SISTEM KEDATANGAN MAJLIS	BPM	Merekod dan memantau kehadiran pegawai ke seminar, bengkel, majlis dan sebagainya anjuran KPDNHEP	2013	Pengguna Dalaman
43	SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT IP DAN SERVER (SISIPS)	BPM	Merekod dan memaparkan permohonan server, maklumat <i>IP segment</i>	2016	Pengguna Dalaman
44	<i>KNOWLEDGE OFFICE MANAGEMENT SYSTEM</i> (K-OFIS)	BPM	Menyediakan kemudahan perkongsian maklumat dalaman di antara warga Kementerian	2014	Pengguna Dalaman

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
45	SISTEM WESHARE	BPM	Menyediakan kemudahan perkongsian data dan maklumat untuk capaian warga Kementerian	2016	Pengguna Dalaman
46	SISTEM MYTIME	BKPK	Merekod dan memantau kehadiran pegawai dan kakitangan di pejabat	2012	Pengguna Dalaman
47	SISTEM DIGITAL MAIL TRACKING (DMTRACK)	BKPK	Merekod dan mengesan pergerakan surat serta dokumen daripada pejabat KSU ke Bahagian	2019	Pengguna Dalaman
48	SISTEM MAKLUMBALAS PELANGGAN	BPM	Memberi penarafan kepuasan pelanggan di BPM	2018	Pengguna Dalaman dan Luaran
49	COMPANY REGISTRATION INFORMATION SYSTEM (CRISYS)	BPGK	Menyemak maklumat syarikat untuk risikan dan siasatan	2015	Pengguna Dalaman
50	PORTAL PUSPANITA	KPDNHEP	Merekod dan memaparkan fungsi serta aktiviti PUSPANITA KPDNHEP	2017	Pengguna Dalaman dan Luaran
51	SISTEM AHLI BKSK	KPDNHEP	Mengurus pendaftaran dan semakan keahlian ahli BKSK	2018	Pengguna Dalaman
52	SISTEM E-KEMBARA	BPSM	Mengurus dan memantau permohonan keluar negara secara rasmi dan persendirian	2020	Pengguna Dalaman
53	SISTEM MYIDENTITY KPDNHEP	BPGK	Memudahkan pegawai KPDNHEP membuat semakan maklumat personel berdasarkan nombor kad pengenalan	2019	Pengguna Dalaman

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
54	SISTEM E-KONTRAK	BKPK	Mengurus dan memantau maklumat kontrak	2016	Pengguna Dalam
55	SISTEM E-PARLIMEN	BDPSA	Menyediakan repositori soalan parlimen dan kemudahan carian bagi soalan, jawapan dan penggulungan	2014	Pengguna Dalam
56	SISTEM CROWD SOURCING	BHBN	Mengurus kandungan dan maklumat perkongsian harga dalam aplikasi <i>Price Catcher</i>	2017	Pengguna Dalam
57	DASHBOARD RANTAIAN HARGA DAN ADUAN KPDNHEP	BPGK	Memudahkan pegawai kementerian membuat pemantauan rantai harga dan aduan	2019	Pengguna Dalam
58	DASHBOARD DATAPETROL KPDNHEP	BKSP	Menganalisis dan memaparkan maklumat bekalan dan pengedaran barangan petroleum menggunakan BI tools secara visual	2018	Pengguna Dalam
59	BUSINESS LICENSING ELECTRONIC SUPPORT SYSTEM (BLESS)	MEDAC	Memudahkan pegawai Kementerian mendapatkan data lesen dan membuat pemantauan berkenaan lesen serta pengguna membuat permohonan lesen	2018	Pengguna Dalam dan Luaran
60	DATA TERBUKA SEKTOR AWAM (DTSA)	MAMPU	Mewujudkan <i>one-service-centre</i> kepada rakyat untuk mencapai dan memuat turun dataset data terbuka Kerajaan secara dalam talian	2014	Orang awam
61	SISTEM PENGURUSAN ASET (SPA)	MOF	Mengurus, mengawal dan memantau aset Kementerian	-	Pengguna Dalam

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
62	iGFMAS	JAN	Merekod, memproses, memperakaun dan melaporkan semua urus niaga berkaitan pembayaran, terimaan, pengurusan gaji, pengurusan wang tak dituntut, pengurusan pinjaman, perakaunan aset, pengurusan tunai ( <i>cash management</i> ) dan pengurusan dana ( <i>fund management</i> )	2018	Pengguna Dalam
63	SISTEM E-PEROLEHAN	MOF	Mengurus dan memantau proses perolehan Kerajaan	2018	Pengguna Dalam
64	DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)	MAMPU	Menyediakan perkhidmatan pengurusan rekod mengikut kitaran hayat rekod Kerajaan bermula dari pewujudan, penyimpanan, penyenggaraan dan pelupusan secara elektronik	2014	Pengguna Dalam
65	SISTEM MyMESYUARAT	MAMPU	Mengurus mesyuarat dan memantau keputusan mesyuarat secara dalam talian	2013	Pengguna Dalam
66	SISTEM MyRESULT	MoF	Merekod keperluan dan pencapaian peruntukan tahun bajet bagi program/aktiviti Kementerian yang telah dirancang	-	Pengguna Dalam
67	SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)	JPA	Menguruskan maklumat sumber manusia Kementerian	1997	Pengguna Dalam

BIL.	NAMA APLIKASI	PEMILIK	OBJEKTIF	TAHUN GO-LIVE	PENGGUNA
68	SISTEM PROFIL PROJEK ICT SEKTOR AWAM (PROFIT)	MAMPU	Pusat penyimpanan maklumat semua projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Kementerian	2015	Pengguna Dalam
69	DATA RAYA SEKTOR AWAM (DRSA)	MAMPU	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan berpacuan analitis data</li> <li>2. Mengoptimumkan penggunaan dan perkongsian data bagi membudayakan inovasi penciptaan produk data yang berpaksikan rakyat (<i>citizen centric</i>)</li> <li>3. Membangunkan kompetensi penjawat awam dalam bidang sains data</li> </ol>	2015	Pengguna Dalam
70	MYGOS	Pusat Geospasial Negara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membangunkan pusat rujukan utama maklumat geospasial bagi data-data berkaitan KPDNHEP</li> <li>2. Membolehkan data-data geospasial Kementerian dipetakan dan dianalisa secara perkongsian dengan data-data spatial daripada agensi lain</li> <li>3. Membolehkan data-data geospasial digunakan untuk tujuan perancangan dan pemantauan harga barang</li> </ol>	2019	Pengguna Dalam
71	SISTEM TERIMAAN	JAN	Menyeragamkan proses pungutan wang di Pusat Terimaan	2008	Pengguna Dalam



## 2.2.2 SENARAI PROSES MANUAL & APLIKASI SEDIA ADA

### I. Sektor Perdagangan Pengedaran Dan Perniagaan

BAHAGIAN	SENARAI SISTEM SEDIA ADA	SENARAI PROSES KERJA MANUAL
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahagian Pembangunan Francais Dan Jualan Langsung (BPFJL)</li> <li>2. Sekretariat Perdagangan Pengedaran Perniagaan Dan Industri Perkhidmatan (SPIP)</li> <li>3. Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem <i>Malaysia Franchise Express (MyFEX)</i></li> <li>2. Sistem Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP)</li> <li>3. Sistem <i>SpaceDeals</i></li> <li>4. Sistem Percetakan Permit Ejen Pemilikan Semula (SPPEPS)</li> <li>5. Sistem Pengurusan Industri Perkhidmatan (SIMS)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan Lesen Jualan Langsung</li> </ol>

### II. Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup Dan Penyelidikan

BAHAGIAN	SENARAI SISTEM SEDIA ADA	SENARAI PROSES KERJA MANUAL
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara</li> <li>2. Bahagian Harga Barangan Negara</li> <li>3. Bahagian Analisis Ekonomi Dan Data Strategik</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem MyHarga</li> <li>2. Sistem Data Bank SST</li> <li>3. Sistem <i>MTDCC Intelligent Dashboard For Executive (MINDEX)</i></li> <li>4. Sistem <i>PriceCatcher</i> (Paparan Harga)</li> <li>5. <i>Dashboard</i> Rantai Harga Dan Aduan</li> <li>6. <i>Strategic Warehouse Analytics Tools (SWAT)</i></li> <li>7. Aplikasi Mudah Alih : MyHarga, <i>PriceCatcher</i>, MINDEX</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan Dan Pemantauan <i>Transporter</i></li> <li>2. Proses Analitis Data</li> </ol>

### III. Sektor Barang Kawalan Dan Subsidi

BAHAGIAN	SENARAI SISTEM SEDIA ADA	SENARAI PROSES KERJA MANUAL
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahagian Kawal Selia Petroleum</li> <li>2. Bahagian Subsidi Dan Bekalan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem Datapetrol</li> <li>2. Sistem MYSUBSIDI DIESEL</li> <li>3. Sistem Permit Khas</li> <li>4. Sistem QR Code Minyak Masak Bersubsidi</li> <li>5. Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS)</li> <li>6. Sistem Program Subsidi Petrol (PSP)</li> <li>7. Sistem JK Zon Ekonomi Eksklusif (eJKZEE)</li> <li>8. Sistem ECSIEG Dashboard DATAPETROL KPDNHEP</li> <li>9. Aplikasi Mudah Alih : EzPetrol</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan Pengecualian Larangan Eksport Petroleum Dan LPG</li> <li>2. Permohonan Kuota Petrol Dan Diesel Bersubsidi (JKRD)</li> </ol>

#### IV. Bahagian Penguat kuasa

BAHAGIAN	SENARAI SISTEM SEDIA ADA	SENARAI PROSES KERJA MANUAL
<p>1. Bahagian Penguat kuasa</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem Notis Jualan Murah (NJM)</li> <li>2. Sistem Cakera Optik (SISCO)</li> <li>3. Sistem Permit Khas <i>Dashboard</i> Rantaian Harga Dan Aduan KPDNHEP (KDATS)</li> <li>4. Sistem Pemantauan Dan Kutipan Harga Borong</li> <li>5. <i>Integrated Enforcement Management System</i> (IEMS)</li> <li>6. Sistem E-Timbang Dan Sukat (ETS)</li> <li>7. Sistem IMAPS <i>Company Registration Information System</i> (CRISYS)</li> <li>8. Sistem MyIDENTITY KPDNHEP (Hab Integrasi)</li> <li>9. Aplikasi Mudah Alih : Ez Star, MySales Tracker, IEMS (Kompaun), MyOri</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pendaftaran Kes/Kertas Siasatan/EP</li> <li>2. Rekod Pergerakan Kertas Siasatan</li> <li>3. Pembayaran Kompaun</li> <li>4. Maklumbalas Dan Cadangan Pindaan Akta, Peraturan Atau Garis Panduan Daripada Pejabat Negeri Dan Cawangan</li> <li>5. Proses Pengumpulan dan Penyelarasan Maklumat di ECC</li> </ol>

## V. Pendayaupayaan Pengguna

BAHAGIAN	SENARAI SISTEM SEDIA ADA
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tribunal Rayuan Persaingan</li> <li>2. Tribunal Tuntutan Pengguna</li> <li>3. Bahagian Penyelidikan Dan Dasar Kepenggunaan</li> <li>4. Bahagian Gerakan Kepenggunaan</li> <li>5. Bahagian Standard Kepenggunaan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem e-Aduan 2.0</li> <li>2. Sistem e-Consumer Report (ECR)</li> <li>3. Sistem e-Tribunal V2</li> <li>4. Sistem Rakan KPDNHEP</li> <li>5. Sistem mySAFE</li> <li>6. Sistem Call Center</li> <li>7. Portal Rasmi KPDNHEP</li> <li>8. Portal Info Pengguna</li> <li>9. Portal ACCP</li> <li>10. Portal TRP</li> <li>11. Portal e-Book KPDNHEP</li> <li>12. Aplikasi Mudah Alih : EZ Adu, M-Book</li> </ol>


## VI. Pengurusan

BAHAGIAN	SENARAI SISTEM SEDIA ADA	SENARAI PROSES KERJA MANUAL
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bahagian Undang-undang</li> <li>2. Bahagian Dasar, Perancangan Strategik Dan Antarabangsa</li> <li>3. Unit Integriti</li> <li>4. Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Kewangan</li> <li>5. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia</li> <li>6. Bahagian Pengurusan Maklumat</li> <li>7. Unit Komunikasi Korporat</li> <li>8. Bahagian Audit Dalam</li> <li>9. Bahagian Akaun</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sistem MyTime</li> <li>2. Sistem e-Kontrak</li> <li>3. Sistem e-Parlimen</li> <li>4. Sistem Ahli BKSK</li> <li>5. Sistem Helpdesk ICT</li> <li>6. Sistem Keluar Masuk Pejabat (KMP)</li> <li>7. Sistem Kedatangan</li> <li>8. Sistem Pengurusan Maklumat IP Dan Server (SISIPS)</li> <li>9. Knowledge Office Management System (K-OFFIS)</li> <li>10. Sistem We-Share</li> <li>11. Sistem Voting KPDNHEP</li> <li>12. Sistem Pengurusan Maklumat Personel Bersepadu (INSID)</li> <li>13. Sistem e-Latihan</li> <li>14. Sistem Digital Mail Tracking (DMTRACK)</li> <li>15. Sistem e-Kembara</li> <li>16. Sistem Pengurusan Undang-undang (SIPU)</li> <li>17. Sistem e-Integriti</li> <li>18. Sistem Tempahan Kenderaan</li> <li>19. Sistem MySSM KPDNHEP (Hub Integrasi)</li> <li>20. Sistem Chatbot KPDNHEP</li> <li>21. Aplikasi Mudah Alih : WeShare, e-Latihan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerima Dan Mengambil Tindakan Atas Maklumat/ Aduan Salah laku Jenayah Dan Pelanggaran Etika</li> <li>2. Proses Pinjaman Kenderaan Dan Komputer</li> <li>3. Proses Pemantauan Prestasi Kementerian</li> <li>4. Seminar Secara Fizikal</li> <li>5. Proses Aduan Melalui WhatsApp Dan Sistem eAduan</li> </ol>


## 2.3 INFRASTRUKTUR ICT

BPM menyediakan keperluan infrastruktur ICT bagi pegawai di Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan untuk digunakan semasa tugas harian. Jenis-jenis infrastruktur ICT yang disediakan terbahagi kepada tiga (3) iaitu kemudahan rangkaian dan keselamatan ICT, ketersediaan infrastruktur pusat data serta peralatan ICT.

### 2.3.1 RANGKAIAN & KESELAMATAN



a) Rangkaian KPDNHEP menggunakan Putrajaya Campus Network (PCN)



RAJAH 2-1: GAMBARAJAH LOGIKAL RANGKAIAN (2G3) KPDNHEP



## 2.3.2 PUSAT DATA



### 01 PERSEKITARAN PUSAT DATA

- Menempatkan semua aplikasi KPDNHEP menggunakan persekitaran *virtualization*.
- Peralatan rangkaian dan keselamatan yang ditempatkan di sini adalah *Firewall, Intrusion Prevention System (IPS), Core Switch, Router, Web Application Firewall, Content Filtering* dan *Load Balancer*.

### 02 SISTEM KAWALAN KESELAMATAN

- Mempunyai sistem kawalan keselamatan seperti *door access*, sistem kebakaran (FE13), sistem penggera dan UPS (*uninterruptible power supply*).
- Bekalan kuasa sokongan UPS mampu bertahan selama 15 minit jika berlaku kegagalan bekalan kuasa elektrik dari punca kuasa utama.


### 03 CIRI-CIRI KESELAMATAN

- Dilengkapkan dengan ciri-ciri keselamatan perimeter seperti *door access* bagi menghalang akses tanpa kebenaran, kerosakan dan gangguan secara fizikal.
- Sistem *thumb print* digunakan bagi memastikan hanya pengguna sah dibenarkan masuk.

### 04 PUSAT PEMULIHAN BENCANA

- Pusat Pemulihan Bencana KPDNHEP ditempatkan di Blok B8, MAMPU, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.


a) Pusat Pemulihan Bencana



**RAJAH 2-2: GAMBARAJAH LOGIKAL PUSAT DATA KPDNHEP DAN PUSAT PEMULIHAN BENCANA MAMPU**

### 2.3.3 PERALATAN ICT

BPM menyediakan kemudahan peralatan ICT kepada Sektor dan Bahagian di Kementerian secara sewaan dan pinjaman untuk kegunaan tugas harian seperti berikut:




### 2.4 TADBIR URUS ICT

Tadbir urus memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan ICT sektor awam. Struktur tadbir urus ICT KPDNHEP meliputi Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) dan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) seperti di **Rajah 2-3** dan **Rajah 2-4**.

### a) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPDNHEP


Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPDNHEP bertanggungjawab dalam menyelaraskan permohonan projek ICT di peringkat Bahagian, Negeri serta Agensi dengan mengadakan perbincangan, membuat keputusan serta memantau status projek ICT di KPDNHEP.



**RAJAH 2-3: TADBIR URUS JPICT**

## b) Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) KPDNHEP


Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) KPDNHEP berfungsi menilai semua permohonan projek ICT Kementerian dan agensi di bawahnya dan mengesyorkan perakuan teknikal kepada JPICT Kementerian serta memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT Kementerian dan semua agensi di bawahnya.



**RAJAH 2-4: TADBIR URUS JTICT**

## 2.5 KEUPAYAAN ICT

Latihan kepada pegawai di Kementerian iaitu latihan kemahiran, latihan ICT dan kursus persijilan profesional telah dianjurkan oleh BPM. BPM juga turut melaksanakan promosi bagi meningkatkan kesedaran keselamatan ICT dan pengurusan perubahan untuk warga KPDNHEP dan pemegang taruh.



**RAJAH 2-5: PERATUSAN LATIHAN DAN PROMOSI YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH BPM**

# 3 PELUANG PENDIGITALAN DAN PENAIKTARAFAN

Peluang Pendigitalan Aplikasi | Peluang Pendigitalan Perkhidmatan Aplikasi Menyeluruh |  
Teknologi Ke Arah Pendigitalan Perkhidmatan 2021-2025 | Senarai Aplikasi Baharu dan Naik  
Taraf Mengikut Sektor | Penaiktarafan Infrastruktur



### 3.0 PELUANG PENDIGITALAN APLIKASI

Berikut adalah peluang pendigitalan yang dikenal pasti berdasarkan persekitaran bisnes dan ICT sedia ada di KPDNHEP:

#### PEROLEHAN DAN PENGUMPULAN DATA

- Pewujudan pangkalan data berpusat dengan tahap keselamatan yang tinggi
- Penyediaan kemudahan analitik data

#### KOMPETENSI

- Pelaksanaan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai ICT

#### INFRASTRUKTUR ICT

- Infrastruktur ICT yang tersedia dengan teknologi semasa



#### PENDIGITALAN DAN PERKHIDMATAN END-TO-END

- Perekayasaan bagi setiap proses kerja manual di bahagian
- Pembangunan sistem yang menyediakan kemudahan secara end-to-end kepada pelanggan
- Pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan sepenuhnya kepada rakyat

#### ADVOKASI/PROMOSI

- Penyediaan program advokasi/ promosi untuk meningkatkan penggunaan sistem di Kementerian
- Penyediaan program pengurusan perubahan ke arah pendigitalan

#### TADBIR URUS ICT

- Pengukuhan tadbir urus dan jawatankuasa ICT KPDNHEP


### 3.1 PELUANG PENDIGITALAN PERKHIDMATAN APLIKASI MENYELURUH



**RAJAH 3-1: PELUANG KE ARAH PENDIGITALAN APLIKASI**

## 3.2 TEKNOLOGI KE ARAH PENDIGITALAN PERKHIDMATAN 2021-2025

Teknologi yang akan digunakan untuk menyediakan perkhidmatan pendigitalan *end-to-end* pada tahun 2021 hingga 2025 di KPDNHEP adalah seperti berikut:



## 3.3 SENARAI APLIKASI BAHARU DAN NAIK TARAF MENGIKUT SEKTOR

### I. Sektor Perdagangan Pengeedaran Dan Perniagaan

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membangunkan sistem rantai bekalan</li> <li>▪ Membangunkan sistem pemantauan program food bank</li> <li>▪ Membangunkan sistem pengurusan jualan langsung</li> </ul>	<p>APLIKASI BAHARU</p>
<p>APLIKASI NAIK TARAF</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengurusan dan pemantauan aktiviti KBBM</li> <li>▪ Menambah baik Sistem ESIMS bagi memproses kebenaran WRT bagi barangan dan perkhidmatan</li> </ul>

### II. Sektor Hal Ehwal Kos Sara Hidup Dan Penyelidikan

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemantauan Pelan Tindakan NACCOL</li> <li>▪ Melaksanakan penyelidikan inovasi pelaksanaan analitis data dan kecerdasan buatan</li> <li>▪ Melaksana kajian kesediaan pelaksanaan teknologi <i>Artificial Intelligence/Machine Learning, Internet of Things (IoT)</i> dan analitik bagi ramalan dalam pembuatan keputusan</li> <li>▪ Pengurusan dan Pemantauan <i>Transporter</i></li> </ul>	<p>APLIKASI BAHARU</p>
<p>APLIKASI NAIK TARAF</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memperkukuhkan dan memperluaskan fungsi data raya KPDNHEP (SWAT)</li> </ul>

### III. Sektor Barang Kawalan dan Subsidi

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Membangunkan Sistem eCTrade Fasa II (Produk Petroleum)</li> </ul>	<p><b>APLIKASI BAHARU</b></p>
<p><b>APLIKASI NAIK TARAF</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menambah baik Aplikasi Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (E-COSS)</li> <li>▪ Menambah baik Aplikasi DATA PETROL</li> </ul>

### IV. Bahagian Penguatkuasa

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemantauan Rantaian Bekalan</li> <li>▪ Pengesahan Tulen dan Perolehan Label Pengesahan Tulen (LPT) (Minyak Enjin)</li> <li>▪ Pengurusan Ekshibit Stor</li> </ul>	<p><b>APLIKASI BAHARU</b></p>
<p><b>APLIKASI NAIK TARAF</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Melanggan perisian <i>Lexis Nexis, Lawnet, CLJ Legal Network, Westlaw Asia &amp; Westlaw Next, Harvard Business Review</i></li> <li>▪ Rekod panggilan di <i>Enforcement Command Centre (ECC) (IMAPS)</i></li> <li>▪ Pengkompaunan, Pendakwaan, Perisikan, dan Penyiasatan (<i>IEMS</i>)</li> <li>▪ Pengurusan Kempen Jualan Murah (<i>NJM/ MySALES TRACKER</i>)</li> </ul>

## V. Pendayaupayaan Pengguna

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengurusan dan Pengendalian Program Kepenggunaan</li> <li>▪ Pengurusan Kes Atas Talian dan Menaik taraf Infrastruktur Mahkamah TPM Seluruh Negara</li> </ul>	<p><b>APLIKASI BAHARU</b></p>
<p><b>APLIKASI NAIK TARAF</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Status Penfailan dan Penjadualan Kes (e-Tribunal)</li> </ul>

## VI. Pengurusan

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengurusan Dan Semakan Kertas Siasatan</li> <li>▪ Pemantauan Prestasi Kementerian</li> <li>▪ Pengurusan ISO</li> <li>▪ Permohonan pelajar IPTA untuk menjalani latihan praktikal</li> <li>▪ Permohonan Pembelian Telefon Bimbit</li> <li>▪ Pengurusan Kewangan dan Akaun</li> <li>▪ Membangunkan Modul Pengurusan &amp; Semakan Kertas Siasatan</li> </ul>	<p><b>APLIKASI BAHARU</b></p>
<p><b>APLIKASI NAIK TARAF</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengurusan Perjanjian (SUU)</li> <li>▪ Pengurusan salah laku dan tata tertib (e-Integriti)</li> <li>▪ Pengurusan Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan Pegawai Pemantau Harga (PPH) (INSID)</li> </ul>

## 3.4 PENAIKTARAFAN INFRASTRUKTUR





# 4 TERAS STRATEGIK ICT

Teras Strategik ICT | Teras Strategik ICT & Objektif | Penjajaran Pelan Strategik KPDNHEP dan PSICT | Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam dan PSICT

## 4.0 TERAS STRATEGIK ICT

Teras Strategik ICT ditetapkan untuk memacu hala tuju ICT KPDNHEP. Pembangunan Teras Strategik ICT bermula dengan pembentukan Visi dan Misi ICT, agar selari dengan Pelan Strategik KPDNHEP dan program di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Isu dan cabaran yang dikenal pasti di dalam hasil analisis persekitaran semasa bagi bisnes dan ICT telah dinormalisasikan mengikut pecahan domain Aplikasi, Data, Infrastruktur, Tadbir Urus ICT dan Keupayaan ICT. Lima (5) Teras Strategik ICT telah dibangunkan hasil dari proses normalisasi tersebut. Bagi mencapai Teras Strategik ICT tersebut, objektif pembentukan teras strategik telah diwujudkan seperti di **Rajah 4-1**.



## 4.1 TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF



**RAJAH 4-1: TERAS STRATEGIK ICT**



## TERAS 1: PEREKAYASAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL

- OBJEKTIF:**
- i) Menyediakan perkhidmatan digital yang menyeluruh bagi mengukuhkan perkhidmatan teras Kementerian
  - ii) Membangunkan dan menambah baik aplikasi selaras dengan teknologi terkini

BIL	STRATEGI		PROGRAM	OBJEKTIF
S1	Pembangunan aplikasi digital bagi perkhidmatan teras Kementerian	P1	Pembangunan aplikasi teras <i>end-to-end</i>	Mendigitalkan proses kerja separa <i>end-to-end</i> sedia ada ke arah perkhidmatan pendigitalan <i>end-to-end</i> bagi menyokong perkhidmatan teras Kementerian
		P2	Pengukuhan aplikasi teras <i>end-to-end</i>	Menambah baik dan menyelenggara perkhidmatan pendigitalan <i>end-to-end</i> bagi menyokong perkhidmatan teras Kementerian
S2	Pembangunan aplikasi digital bagi perkhidmatan sokongan Kementerian	P1	Pembangunan aplikasi sokongan <i>end-to-end</i>	Mendigitalkan proses kerja separa <i>end-to-end</i> sedia ada ke arah perkhidmatan pendigitalan <i>end-to-end</i> bagi menyokong perkhidmatan sokongan Kementerian
		P2	Pengukuhan aplikasi sokongan <i>end-to-end</i>	Menambah baik dan menyelenggara perkhidmatan pendigitalan <i>end-to-end</i> bagi menyokong perkhidmatan sokongan Kementerian



## TERAS 2: PEMERKASAAN INISIATIF DATA KEMENTERIAN

- OBJEKTIF:**
- i) Memperkasakan inisiatif data Kementerian melalui kolaborasi agensi ke arah perkhidmatan digital
  - ii) Memantapkan pengurusan analitis data bagi menyokong pembuatan keputusan dan penggubalan dasar Kementerian

BIL	STRATEGI		PROGRAM	OBJEKTIF
S1	Pemeriksaan data bersepadu sebagai pemangkin perkongsian pintar	P1	Peluasan Data Raya KPDNHEP	Mempelbagaikan sumber data bagi tujuan penganalisaan
		P2	Peluasan Data Terbuka KPDNHEP	Menggalakkan perkongsian data antara agensi
		P3	Pengukuhan kolaborasi strategik antara agensi sektor awam dan swasta	Memperoleh dan memperkembangkan kepelbagaian data serta mewujudkan penyelarasan antara agensi sektor awam dan swasta  Memperudahkan penganalisaan data untuk memenuhi keperluan pengurusan dan pemegang taruh
S2	Pemanfaatan <i>Emerging Technologies</i> dalam Inisiatif data	P1	Pemantapan pangkalan data bersepadu	Memusatkan data secara tepat dan holistik
		P2	Pemeriksaan analitis data dan kecerdasan buatan	Mempertingkatkan inovasi analitis dan kepintaran data menggunakan teknologi terkini  Menyokong pembuatan keputusan dan penggubalan dasar Kementerian berdasarkan inisiatif data

# 3

## TERAS 3: PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR

- OBJEKTIF:**
- i) Meningkatkan ketersediaan infrastruktur merangkumi Pusat Data, rangkaian dan peralatan ICT bagi menyokong perkhidmatan digital
  - ii) Memastikan perkhidmatan digital yang selamat dan boleh dipercayai

BIL	STRATEGI	PROGRAM	OBJEKTIF
S1	Pengukuhan keupayaan infrastruktur ICT	P1	<p>Penaiktarafan infrastruktur Pusat Data</p> <p>Meningkatkan keupayaan infrastruktur pusat data mengikut piawaian yang ditetapkan</p> <p>Memastikan ketersediaan infrastruktur Pusat Data</p>
		P2	<p>Pengukuhan peralatan ICT</p> <p>Menyokong perkhidmatan pendigitalan Kementerian</p>
		P3	<p>Pemantapan Pusat Pemulihan Bencana</p> <p>Memastikan perkhidmatan digital Kementerian berjalan lancar dengan meminimalkan downtime ke atas capaian</p>
		P4	<p>Pemeriksaan rangkaian</p> <p>Meningkatkan kapasiti capaian dan menjamin kestabilan serta meminimumkan gangguan capaian rangkaian</p>
S2	Pemeriksaan keupayaan keselamatan ICT dan integriti data secara menyeluruh	P1	<p>Peningkatan pematuhan keselamatan ICT dan integriti data</p> <p>Memperkuhkan kepatuhan kepada kerahsiaan, integriti dan ketersediaan (CIA) perkhidmatan digital</p>
		P2	<p>Penaiktarafan peralatan keselamatan rangkaian</p> <p>Memastikan tahap keselamatan rangkaian ke tahap optimum dan meminimumkan insiden keselamatan</p> <p>Memastikan ketersediaan peralatan keselamatan rangkaian apabila berdepan dengan ancaman</p>



## TERAS 4: PENGUKUHAN TADBIR URUS ICT KOLABORATIF DAN DINAMIK

